

BINAAN PLOT TAWANAN KOMANDER CAUCASUS

TENTUKAN BINAAN PLOT MENGIKUT SUSUNAN YANG BETUL

PERMULAAN	PERKEMBANGAN	PERUMITAN	PUNCAK	PELERAIAN
-----------	--------------	-----------	--------	-----------

Farhani memasuki gerbang dimensi yang dihuni oleh warga kumbang. Farhani menjadi tawanan Komander Caucasus dan dikurung di dalam balang kaca yang terdapat dalam makmal kumbang. Farhani dibebaskan oleh Bara. Farhani menemui Kim Yong yang sudah sebulan hilang. Mereka bertemu dengan Haikal, Wei, dan Devnath.

Farhani dan rakan-rakannya menjadi halimunan akibat serum yang dicipta oleh warga serangga selepas kembali ke alam manusia. Mereka kembali ke dunia kumbang untuk mendapatkan bantuan.

Khemah Puteri Coleoptera diserang oleh tentera Komander Caucasus. Puteri Celeoptera, Bara, Haikal, Wei, dan Devnath ditawan. Farhani dan Kim Yong sempat menyembunyikan diri. Mereka merancang untuk menyelamatkan rakan-rakan mereka. Dengan bantuan Dara Merah, misi mereka berjaya. Komander Caucasus dan tenteranya berjaya ditewaskan. Puteri Coleoptera ditabalkan menjadi pemerintah kerajaan kumbang.

Mereka diberikan penawar oleh Bara. Akhirnya, mereka telah kembali ke pangkuan keluarga mereka. Mereka sepakat merahsiakan dimensi kumbang dan menceritakan bahawa mereka hanya tersesat di dalam hutan.

Farhani memulakan usahanya untuk mencari kumbang untuk projek zoo mini yang dipesan oleh Cikgu Salimah selepas hampir setengah jam menunggu Chea Mei dan Mira yang telah berjanji bertemu di pinggir dusun milik datuknya.